

29 APR 1997

Najib-sekolah

SEKOLAH WAWASAN AKAN GALAKKAN INTEGRASI KAUM

PETALING JAYA, July 29 (Bernama) -- Konsep 'Sekolah Wawasan' akan mempertingkatkan lagi penggalakkan integrasi di kalangan pelajar-pelajar dari berbagai kaum, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Konsep itu juga akan menggalakkan pemahaman mengenai budaya lain dan pembelajaran bahasa bahasa lain, katanya ketika menjelaskan pentingnya pendidikan dalam usaha mewujudkan Malaysia bersatu pada Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di sini hari ini.

Di bawah konsep itu, ketiga-tiga jenis sekolah rendah --sekolah kebangsaan, sekolah kebangsaan (China) and sekolah kebangsaan (Tamil) yang mempunyai pentadbiran yang berlainan berkongsi kemudahan mengajar dan belajar serta kurikulum dan ko-kurikulum tertentu.

"Semua strategi ini, antara lain, akan menjadi daya emparan dan kunci ke arah mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu," katanya.

Kongres peringkat tinggi selama dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pendidikan memainkan peranan yang kritikal dalam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dari berbagai kaum kebudayaan dan agama," kata Najib.

Beliau berkata pendidikan akan mengikat dan memperkukuhkan perpaduan negara melalui pembangunan sumber manusia.

Bidang-bidang yang strategik ditentukan manakala dasar dan garis panduan disediakan dan dilaksanakan dalam mengharungi proses ini, katanya.

"Toleransi, saling menghormati dan persepaduan adalah tunjak utamanya," kata Najib. -- BERNAMA

AZZ WAT